

Penyelidikan Pelajar Sarjana Pendidikan Islam UKM: Fokus Dan Hala Tuju

oleh

Shahrin Awaludin
Fakulti Pendidikan UKM
shahrin@ukm.my

ABSTRAK

Sebahagian besar calon-calon Sarjana Pendidikan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara. Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperoleh ijazah sarjana pendidikan, mereka dikehendaki mengemukakan satu projek penyelidikan. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini penyertaan guru-guru agama Islam dalam pengajian program sarjana pendidikan ini amat menggalakkan. Sehubungan dengan itu, hasil-hasil penyelidikan mereka dalam bidang Pendidikan Islam telah meningkat dan amat berguna sebagai teras perkembangan profesionalisme keguruan. Namun sejauhmana penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan tersebut benar-benar memenuhi keperluan dan keutamaan bidang Pendidikan Islam di Malaysia masih belum dapat dipastikan. Kertas ini akan menganalisis hasil-hasil penyelidikan pelajar sarjana Pendidikan Islam UKM tersebut dari segi topik atau fokusnya, metodologi penyelidikan yang digunakan, kaedah penganalisisan data dan rumusan hasil kajian mereka. Seterusnya mencadangkan satu bentuk dan mekanisma penyelidikan yang efektif sekaligus mampu meningkatkan profesionalisme keguruan Pendidikan Islam.

PENDAHULUAN

Perkataan “penyelidikan” pada hari ini seolah-olah menjadi satu perkataan *keramat*. Banyak pihak yang bercakap tentang kepentingan penyelidikan terutamanya pihak kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi hinggalah kepada badan-badan bukan kerajaan dan sebagainya. Beberapa langkah telah diambil bagi merealisasikan cita-cita murni ini seperti menyediakan kemudahan prasarana, sumber manusia dan peruntukan kewangan yang diperlukan. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sendiri telah dikenalpasti

sebagai salah sebuah universiti penyelidikan dan dipertanggungjawabkan untuk membudayakan penyelidikan berkualiti tinggi dikalangan pensyarah dan mahasiswanya.

KONSEP DAN TUJUAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan dari segi bahasa bermaksud memeriksa sesuatu yang belum terang, menyiasat dan mendapatkan keterangan tentang sesuatu dan mempelajari sungguh-sungguh untuk mengetahui sesuatu (Kamus Dewan, Edisi 3,1998). Sementara dari segi istilahnya, penyelidikan didefinisikan sebagai suatu susunan aktiviti pengumpulan dan analisis data yang dirancang dengan teliti untuk mendapatkan dan memperkembangkan pengetahuan (Mohd Majid Konting; 1998). Terdapat banyak definisi tentang pengertian penyelidikan ini dan kesemuanya merujuk kepada konsep pendidikan dan ilmu pengetahuan yang sememangnya telah ditegaskan oleh al-Quran melalui wahyunya yang pertama yang berkaitan dengan IQRA' (al-Quran 96;1). Malah Allah swt. berulang kali mengingatkan manusia supaya menggunakan akal, melihat, memeriksa dan mengkaji.

Firman Allah swt. yang bermaksud:


“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik, membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu.” Al-Quran (49; 6)

Konsep penyelidikan ini wajar difahami dengan jelas oleh para penyelidik terutama guru-guru yang baru mempelajari bidang ini supaya tidak terkongkong atau tenggelam dalam pelbagai istilah statistik yang merupakan hanya sebagai salah satu kaedah penganalisan data.

Tujuan penyelidikan adalah untuk mencari kebenaran atau hakikat tentang sesuatu fenomena alam dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan. Penyelidikan dalam Islam boleh dikategorikan kepada tiga disiplin ilmu utama, iaitu;

- i) Penyelidikan Ilmu Wahyu yang menghubungkan manusia dengan Penciptanya.
- ii) Penyelidikan Ilmu Sains Kemanusiaan yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia.
- iii) Penyelidikan Ilmu Sains Tabii yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan alam di sekelingnya.

Ketiga-tiga bidang penyelidikan ilmu ini saling berkait di antara satu sama lain dan perlu berpaksikan kepada paradigma Tauhid. Rajah berikut mungkin boleh menggambarkan kerangka konseptual bidang penyelidikan ilmu menurut perspektif Islam;



Rajah 1 : Kerangka konseptual bidang penyelidikan ilmu Islam

Objektif penyelidikan juga boleh dibahagikan kepada dua objektif umum yang utama iaitu (Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus) ;

- i) Kefahaman terhadap ciptaan Tuhan dan mengakui kebesarannya.
- ii) Memajukan dan membangunkan ummah untuk mendapat keredhaan Allah. Objektif kedua ini boleh dicapai melalui;

- Mencari penemuan baru
- Melengkap dan menambahkan apa yang sedia ada
- Menyelesaikan masalah / persoalan ummah
- Mengelakkan eksploitasi musuh Islam

Mohd Yusof Hj. Othman (2003) menyenaraikan lima kriteria penting bagi memastikan sesuatu penyelidikan tersebut berkualiti;

- i) Menghayati objektif
- ii) Perancangan yang rapi
- iii) Keterampilan yang mampan
- iv) Sistem pemantauan yang berkesan
- v) Adab dan akhlak yang mulia.

Konsep dan tujuan penyelidikan di atas disamping beberapa kriteria penyelidikan berkualiti ini penting difahami bagi melihat sejauhmana penyelidikan yang dilakukan oleh pelajar sarjana Pendidikan Islam UKM mencapai tahap tersebut.

STRUKTUR PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN ISLAM

Program Sarjana Pendidikan Islam seperti mana modul pengajian sarjana pendidikan yang lain di UKM terbahagi kepada tiga jenis;

Program A : Penulisan Tesis (tanpa kerja kursus)

Calon dikehendaki menyediakan tesis sarjana yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Islam yang tidak melebihi 60,000 patah perkataan.

Program B : Kerja Kursus dan Disertasi (36 unit)

- i) Kerja kursus (27 unit)

- a) 3 kursus wajib (9 unit)
 - GB6013 Kaedah Penyelidikan I
 - GB6023 Kaedah Penyelidikan II
 - GC6033 Isu-Isu Pendidikan Di Malaysia

- b) 4 kursus teras (12 unit)
 - GC6443 Falsafah Pendidikan Islam
 - GC6423 Sumber-sumber Pendidikan Islam
 - GC6373 Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam
 - GC6543 Tamadun Islam I
 - GC6623 Tamadun Islam II

- c) 2 kursus pilihan (6 unit)

Mana-mana kursus sarjana lain yang berkaitan

- ii) Penulisan Disertasi yang tidak melebihi 30,000 patah perkataan (9 unit)

Program C : Kerja Kursus dan Tugas Projek

- i) Kerja kursus (30 unit)
 - a) 3 kursus wajib fakulti (9 unit)
 - b) 5 kursus teras (15 unit)
 - c) 2 kursus pilihan (6 unit)

- ii) Tugas projek (6 unit)
 - a) Projek I (3 unit)
 - b) Projek II (3 unit)

Struktur program ini mula dilaksanakan pada tahun 1996 dan semenjak tarikh tersebut bilangan pelajar sarjana telah meningkat dari masa ke semasa. Kebanyakan pelajar memilih program B atau C iaitu berbentuk kerja kursus dan disertasi atau kertas

projek. Program ini memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk berinteraksi atau berdiskusi dengan pensyarah dan rakan pelajar yang lain sebelum menjalankan penyelidikan. Walaubagaimanapun dalam masa yang sama, ruang untuk pelajar menjalankan penyelidikan agak terbatas kerana peruntukan unit yang kecil berbanding dengan kerja-kerja kursus yang lain.

TINJAUAN RINGKAS

Untuk menjelaskan fokus dan hala tuju penyelidikan pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Islam UKM ini, satu tinjauan ringkas telah dilakukan ke atas hasil-hasil penyelidikan mereka yang terkini. Tujuan tinjauan ini adalah untuk mengenal pasti profil pelajar-pelajar yang menjalankan penyelidikan tersebut, fokus atau bidang kajian yang dilakukan dan metodologi penyelidikan yang digunakan. Dapatan tinjauan ringkas ini adalah seperti berikut;

Jadual 1 : Profil Pelajar Sarjana Pendidikan Islam UKM

Item		N	%
1. Jantina	Lelaki :	4	40%
	Perempuan :	6	60%
2. Warganegara	Malaysia :	9	90%
	Indonesia :	1	10%
3. Guru / Bukan Guru	Guru :	10	100%
	Bukan guru :	0	0%
4. Bentuk pengajian	Sepenuh masa :	3	30%
	Separuh masa :	7	70%

Jadual 2 : Jenis Penyelidikan Pendidikan

Jenis Penyelidikan	N	%
1. Penyelidikan Sejarah / Dokumen	1	10%
2. Penyelidikan Deskriptif / Penerokaan	9	90%
3. Penyelidikan Eksprimen	0	0

Jadual 3 : Fokus atau Subjek Penyelidikan

Fokus Penyelidikan	N	%
1. Guru / Pensyarah	2	20%
2. Pelajar	5	50%
3. Perkaedahan Pengajaran	2	20%
4. Sekolah	1	10%

Jadual 4 : Metodologi Penyelidikan

Metodologi Penyelidikan	N	%	
1. Alat Kajian	Soalselidik	5	50%
	Soalselidik & Temubual	3	30%
	Soalselidik & Ujian	1	10%
2. Sampel	Pelajar sahaja	4	40%
	Guru sahaja	4	40%
	Pelajar & Guru	1	10%
	Dokumen	1	10%
3. Analisis Data	Deskriptif	4	40%
	Inferensi	0	0%
	Deskriptif & Inferensi	5	50%

PERBINCANGAN

Tinjauan ringkas daripada hasil-hasil penyelidikan sama ada dalam bentuk kertas projek atau disertasi pelajar Sarjana Pendidikan Islam UKM di atas boleh dirumuskan seperti berikut;

- i) Majoriti pelajar sarjana Pendidikan Islam masih merupakan guru-guru di sekolah atau pensyarah di maktab-maktab perguruan. Sebahagian besar daripada mereka (70%) adalah pelajar separuh masa yang melanjutkan pelajaran dengan perbelanjaan sendiri, Pegawai-pegawai pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri yang menguruskan kurikulum, pengajaran pembelajaran, buku teks, peperiksaan dan sebagainya masih terlalu kurang yang mengikuti program sarjana.
- ii) Para pelajar pada keseluruhannya didapati lebih cenderung (90%) untuk melakukan penyelidikan berbentuk deskriptif atau penerokaan. Penyelidikan jenis ini memang sesuai untuk topik-topik yang masih belum atau kurang dikaji. Namun terdapat beberapa penyelidikan yang dilakukan telah dikaji berulang kali dan banyak yang terbatas kepada kajian persepsi. Justeru itu, adalah diharapkan terdapat kepelbagaian yang seimbang dalam jenis penyelidikan terutama yang berbentuk eksperimen, pembinaan model atau rekabentuk baru. Demikian juga kajian yang berkaitan dengan konsep atau teori pendidikan yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah masih terlalu kecil.
- iii) Fokus atau subjek penyelidikan adalah seimbang berdasarkan kepada latar belakang penyelidik yang kebanyakannya merupakan guru-guru di sekolah.

Kajian banyak dilakukan terhadap pelajar (50%) yang merupakan bidang tugas utama mereka disamping masalah yang berkaitan dengan pengajaran pembelajaran. Kajian yang berkaitan dengan kurikulum, buku teks, pentaksiran dan sebagainya dalam Pendidikan Islam masih terlalu kurang. Isu-isu tersebut jika tidak ditangani dengan baik banyak mempengaruhi pencapaian Pendidikan Islam kerana bidang tugas guru di sekolah adalah terbatas dan tidak mampu diselesaikan oleh mereka.

- iv) Metodologi penyelidikan yang digunakan oleh para pelajar adalah memadai dan bersesuaian dengan rekabentuk penyelidikan. Pelajar didapati cenderung menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data yang mudah dilaksanakan. Ini mungkin disebabkan kekangan waktu terutama bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian secara separuh masa. Pelajar juga didapati berminat untuk mengaplikasikan ilmu statistik deskriptif dan inferensi dalam penganalisan data seperti Ujian T, Korelasi dan ANOVA.

Walaupun bagaimanapun laporan penyelia dan pembaca kedua hasil-hasil penyelidikan ini banyak menyentuh tentang kelemahan pelajar dari segi penulisan pernyataan masalah yang kurang konkrit dan rumusan kajian yang kurang mantap. Pelajar biasanya tidak mempunyai masalah untuk menulis tentang literatur yang berkaitan tetapi kurang mahir dari segi penganalisan data.

RUMUSAN DAN PENUTUP

Sebagai sebuah universiti penyelidikan, Fakulti Pendidikan UKM telah mengambil langkah pro aktif untuk mengenal pasti bidang tujahan penyelidikannya. Sebuah Pusat Kepelbagaian Pelajar yang ditubuhkan akan memberi fokus terhadap 3 tujahan penyelidikan iaitu;

- i) Pengajaran dan Pembelajaran
- ii) Peranan sekolah dan komuniti dalam pembangunan insane
- iii) Kelestarian pembangunan melalui pendidikan

Ketiga-tiga tujuan penyelidikan ini mempunyai pelbagai sub-bidang penyelidikan yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, semua pensyarah dan pelajar sarjana dan doktor falsafah mempunyai focus dan hala tuju penyelidikan yang lebih jelas dan spesifik.

RUJUKAN

Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2003. *Penyelidikan dan Pembangunan Menurut Perspektif Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam UKM (Siri 2). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Othman. 2003. *Metodologi Penyelidikan Dalam Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam UKM (Siri 2). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Shahrin Awaludin. 2003. *Ke Arah Memantapkan Program Penyelidikan Sarjana Pendidikan Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam UKM (Siri 2). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.